

PEMERKASAAN EKONOMI DIGITAL, TRANSFORMASI PERTANIAN PINTAR



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

INFO@MAFI

DANA BANGKIT SEMULA KELUARGA AGRO BERJUMLAH RM100 JUTA





KELANGSUNGAN PERUSAHAAN GOLONGAN SASAR SEKTOR AGROMAKANAN YANG TERJEJAS DIJAMIN MELALUI DANA BANGKIT SEMULA KELUARGA AGRO BERJUMLAH RM100 JUTA

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperkenalkan dana berjumlah RM100 juta di bawah Dana Bangkit Semula Keluarga Agro bagi membantu meringankan bebanan kumpulan sasaran yang terkesan akibat banjir yang melanda negara baru-baru ini.

Menurut Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, pihak MAFI telah mengambil langkah proaktif mengasingkan 30 peratus daripada peruntukan beberapa program dan inisiatif yang telah diolah oleh MAFI bagi tahun 2022 untuk membantu pengusaha-pengusaha dalam sektor agromakanan yang terjejas akibat banjir.

Jumlah keseluruhan yang diasingkan di bawah beberapa program dan inisiatif ini adalah sebanyak RM100 juta di mana ia akan memberi keutamaan kepada pengusaha dan golongan sasaran merentasi semua subsektor agromakanan yang terjejas.

Antara program-program di bawah dana ini merangkumi Geran Agropreneur Muda, Geran Agropelancongan, Tabung Bencana Agromakanan, Dana Pembiayaan Mudah (*Soft Loan*) di bawah Agrobank, Geran Pepadanan bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), Inisiatif MAFI Prihatin Perniagaan, Program Subsidi Baja Pertanian, Program Ladang Kontrak dan Program Rezeki Tani.

Langkah proaktif ini adalah sebagai pemangkin kepada pemulihan perniagaan golongan sasaran sektor agromakanan sekaligus menjamin kelangsungan perusahaan masing-masing yang telah terjejas dan memperkukuh rantai nilai agromakanan di setiap peringkat.

Dalam pada itu, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata sektor agromakanan juga akan mendapat manfaat daripada Bantuan Banjir Keluarga Malaysia bernilai RM1.4 bilion yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri di mana pihak MAFI akan menyelaras data-data kerugian bagi memastikan mangsa-mangsa banjir di bawah sektor ini mendapat bantuan yang sewajarnya.

YB Menteri turut melawat kolam KGC Eco Resort Trading dan Syarikat A One Aquaculture di Kampung Chennah yang terjejas. Beliau juga melawat ke Kampung Esok dan mendapati beberapa perusahaan udang galah di kawasan tersebut termasuk Syarikat ES Agro Farm Sdn Bhd yang menternak lembu pedaging, kambing dan rusa di tanah seluas 50 ekar turut terjejas.

YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee juga telah menyampaikan bakul makanan di bawah inisiatif MAFI Prihatin kepada semua pengusaha ladang yang dilawat. MAFI melalui DOF menyalurkan bantuan kepada pengusaha akuakultur yang terkesan dalam bentuk bahan ternakan seperti benih ikan, makanan ikan dan peralatan ternakan berdasarkan kadar tertentu.

Turut hadir dalam lawatan ini, Ketua Setiausaha MAFI, Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Haji Bakri bin Sawir, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (DVS), Dato' Dr. Norlizan Bin Mohd Noor dan Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan) Jabatan Perikanan Malaysia, Tuan Haji Mohd Sufian bin Sulaiman.



LAWATAN KERJA YB MENTERI KE LADANG PENTERNAKAN YANG TERJEJAS BANJIR DI NEGERI SELANGOR

Pada 28 Disember 2021, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee telah turun padang melawat ladang penternakan di RTB Bukit Changgang, Kuala Langat bagi meninjau ladang-ladang ternakan yang terjejas dengan bencana banjir yang melanda baru-baru ini.

YB Menteri telah melawat ladang ternakan lembu dan kambing pedaging yang di usahakan oleh Encik Shah Rizaini, Encik Zaini dan penternak lain di kawasan yang sama turut diberi bantuan di bawah MAFI Prihatin yang merangkumi makanan ternakan dan kit kesihatan yang di harap sedikit sebanyak dapat meringankan beban mereka.

Barangan makanan ternakan dan kit kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) juga sedang diedarkan kepada penternak-penternak yang terjejas seluruh negara selain diberikan bantuan lain yang diperlukan.

Pada 27 Disember 2021 yang lalu, YB Datuk Seri Dr. Ronald juga telah menyampaikan bantuan MAFI Prihatin kepada beberapa penternak yang terjejas akibat banjir semasa lawatan beliau ke Kampung Asahan, Kuala Selangor.

Ladang yang telah dilawat merangkumi ladang Es Agro Farm yang mengusahakan lembu tenusu, ladang ternakan kambing Encik Ahmad Zafir dan Encik Palaniappan serta ladang lembu pedaging Encik Haskat.

Sejurus berlakunya kejadian banjir yang tidak dijangka tersebut, pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah mengaktifkan Bilik Bencana Banjir dan mengerakkan pegawai serta kakitangannya bagi menyelaras dan membantu memindahkan ternakan dari kawasan yang terjejas ke kawasan yang lebih selamat termasuk pusat pemindahan segera.

Makanan ternakan, rumput kering (*hay*) dan garam jilat turut diagihkan sebagai bantuan kecemasan kepada penternak. Pihak DVS juga akan terus membantu penternak untuk menjaga kebajikan, keselamatan dan kesihatan haiwan-haiwan ternakan yang telah diselamatkan.



Dalam pada itu, YB Menteri MAFI turut menyampaikan sumbangan MAFI Prihatin kepada 7 orang mangsa banjir warga MARDI di kawasan Bukit Changgang, Kuala Langat. Ini merupakan sebahagian daripada 100 mangsa banjir warga MARDI yang terkesan.

Sumbangan MAFI Prihatin juga telah diserahkan ke kawasan Ulu Langat, Dengkil, Jenderam, Puchong, Shah Alam dan Klang secara serentak pada hari itu. Secara keseluruhannya, direkodkan 670 orang warga MAFI terkesan.

MAFI juga sedang menyegerakan penilaian menyeluruh bagi mengenal pasti kerosakan dan jumlah kerugian sebenar golongan sasar bagi menyediakan bantuan yang sewajarnya.

Kerajaan turut memperuntukkan dana berjumlah RM80 juta di bawah Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA) bertujuan membantu meringankan bebanan kumpulan sasar yang terkesan akibat daripada bencana alam seperti banjir kilat yang telah melanda baru-baru ini.

MAFI akan terus membantu semua yang terkesan khususnya golongan petani, penternak, peladang dan juga nelayan serta pengusaha-pengusaha di sepanjang rantaian agromakanan.

Turut hadir dalam lawatan itu, Timbalan Menteri Pertanian Dan Industri Makanan I, YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Ketua Setiausaha MAFI, Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Pengarah DVS, Dato' Dr Norlizan bin Mohd Noor, dan Presiden, Kelab Generasi Transformasi Ruminan Malaysia (GTR), En Hussain Jaafar.



ZIARAH PRIHATIN DAN PENYAMPAIAN BANTUAN BANJIR KEPADA NELAYAN SELANGOR



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah telah melawat dan menziarahi nelayan yang terjejas dengan musibah banjir yang berlaku pada 18 Disember 2021 lalu.

Dalam lawatan ini, YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah telah menyampaikan bantuan kepada keluarga nelayan yang terjejas akibat musibah banjir dan ribut yang mengakibatkan kerosakan rumah, bot atau vesel, enjin, peralatan penangkapan, infrastruktur, jeti dan lain-lain.

MAFI melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah menyalurkan bantuan segera bencana kepada keluarga nelayan menerusi Sumbangan Bencana Kecemasan bernilai RM1000 seorang secara tunai serta penyerahan Bakul Makanan MAFI PRIHATIN bernilai RM100 seorang.

Sebagai langkah menghadapi situasi bencana, MAFI telah mengarahkan semua jabatan dan agensi untuk mewujudkan Bilik Gerakan Bencana Banjir yang bertujuan menyalurkan informasi, menerima aduan dan masalah berhubung dengan situasi bencana banjir.



LKIM juga telah menggerakkan Kumpulan Keselamatan Nelayan (KESAN) yang berorientasikan konsep kesukarelawanan merupakan pasukan keselamatan bukan kerajaan yang terdiri daripada golongan nelayan yang terlatih bertujuan untuk memberi bantuan dalam misi menyelamatkan serta operasi bencana atau kemalangan di laut.

Pasukan KESAN di seluruh negara telah diarahkan untuk bersiap siaga bagi menghadapi sebarang bencana dan musibah. Melalui inisiatif dan bantuan ini, agenda MAFI melalui LKIM dalam menjaga kebajikan dan keselamatan golongan sasar terutama dapat diterjemahkan dengan pelaksanaan bantuan-bantuan yang memberi impak dalam meringankan kehidupan keluarga nelayan yang terkesan.



Turut hadir dalam lawatan ini, Ketua Setiausaha MAFI, Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Pengarah LKIM, Tuan Haji Yusoff bin Othman dan Pengarah LKIM Negeri Selangor, Puan Siti Hawa Delaila bin Tukiran.



PROGRAM LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI II KE INDUSTRI NANAS SARAWAK

Pada 15 Disember 2021, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, YB Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Hj. Salleh telah mengadakan tinjauan ke Pejabat Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia (LPNM) di Kuching, Sarawak.

Program lawatan kerja tersebut dimulakan dengan taklimat industri nenas di Sarawak yang telah disampaikan oleh Encik Mohammad Suffian Sahmat, Pengarah LPNM Sarawak.

YB Timbalan Menteri II turut berkunjung ke bengkel pemrosesan produk nenas D'Mata Enterprise bertempat di Kampung Sungai Mata, Samarahan yang diusahakan oleh Puan Hanisah Koleh serta keluarga yang menghasilkan produk jus, *tart* nenas dan sos cili nenas. Beliau turut merasmikan bengkel berkenaan dan menyampaikan Insentif PRE Prihatin kepada pengusaha terlibat.

YB Timbalan Menteri II kemudian melawat projek tanaman nenas di Kampung Tambey seluas 7 ekar yang diusahakan oleh Encik Ibrahim Abu Bakar. Beliau menanam pelbagai varieti nenas iaitu *Moris*, *Josapine* dan *MD2*. Hadir sama dalam lawatan ini, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan LPNM, Encik Rosmizam Mohd Yusof.



TINJAUAN KETUA SETIAUSAHA KE ATAS WARGA MAFI TERKESAN BENCANA BANJIR DI DENGKIL



Atas dasar keprihatinan dan menjaga kebajikan warga MAFI, Ketua Setiausaha (KSU), Dato' Haslina binti Abdul Hamid telah turun padang pada 23 Disember lalu untuk membantu warga MAFI yang terjejas akibat bencana banjir yang melanda kediaman mereka. Dato' KSU turut menyampaikan sumbangan dan bantuan bagi meringankan beban yang dipikul.

Dato' Haslina turut berkesempatan melawat Pusat Operasi FAMA Cawangan Dengkil bersama-sama dengan sukarelawan MAFI. Kerosakan akibat bencana banjir melibatkan hampir keseluruhan barangan produk FAMA serta kelengkapan pejabat mengakibatkan operasi cawangan tersebut lumpuh serta merta.

Hadir sama dalam tinjauan itu, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Puan Azah Hanim binti Ahmad dan Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Dato' Zainal Abidin Bin Yang Razalli.





LAWATAN KERJA TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PEMBANGUNAN) MAFI KE LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI, YBhg. Datuk Badrul Hisham bin Mohd telah mengadakan lawatan kerja pada 13 Disember 2021 ke Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

Pusat Penternakan Lebah Kelulut Honey Gold antara lokasi tinjauan yang dimiliki oleh Encik Norfiq Amirul Zhafran, seorang usahawan di bawah Program Agroprenuer Muda KADA 2020.

Lawatan juga diadakan ke perusahaan batik Ayu Fashion yang diusahakan oleh usahawan KADA, Encik Mahadi @ Ibrahim Deraman di Kampung Talak, Tumpat.

Hadir sama dalam lawatan itu, Pengurus Besar KADA, Tuan Haji Nik Roslan bin Idris, Timbalan Pengurus Besar (Pembangunan) KADA, Encik Mohd. Faizul bin Mustafa serta pegawai-pegawai kanan lain.

LAWATAN PENGARAH BAHAGIAN PEMBANGUNAN ORGANISASI JPA KE PEJABAT MAQIS

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Puan Azah Hanim binti Ahmad, telah menerima kunjungan oleh Pengarah Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Tuan Suhaimi bin Ali @ Ahmad ke Pejabat MAQIS Pelabuhan Klang Barat, Selangor.

Turun bersama dalam lawatan kerja ini adalah Ketua Pengarah MAQIS, Tuan Shamsul Akbar bin Sulaiman.



SIDANG REDAKSI

PENAUNG:
YBHG. DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

KETUA EDITOR:
SALMAH BINTI RAMLI

EDITOR:
YOSRI BIN ABU MAHSIN

NURIL MUTMAINNAH BINTI ROSLAN

PENULIS:
DARLEENA ANAK DICKIE UMPANG

GRAFIK:
SURAIYA HANI BINTI ZAMARI

JURU FOTO:
MOHD NAJIB BIN ABDUL JABAR

HEBAHAN:
SAIYASWARY A/P SURNARAYANA

ROSMA INSYIRAH BINTI OTHMAN

IDEA, KONSEP & TERBITAN:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT, MAFI